



11 Julai 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) [kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)].**
2. PAC memilih isu ini, selepas ia dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022: Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar yang dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.
3. Laporan ini dibentangkan selepas PAC mengadakan 4 prosiding pada 12 Disember 2023 dan 29 Januari 2024 dengan memanggil saksi terdiri daripada Jabatan Audit Negara, NRECC, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak serta Sarawak Forestry Corporation.
4. Melalui prosiding yang diadakan, PAC merumuskan bahawa kadar simpanan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 16.2 juta tan yang bernilai RM810 bilion. Walau bagaimanapun, perlombongan NR-REE tidak dibenarkan di dalam Hutan

Simpan Kekal (HSK). Justeru, satu projek rintis perlombongan NR-REE telah dijalankan di luar kawasan HSK di Kenering, Perak. Berikutan itu, panduan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan HSK telah diedarkan pada Disember 2023.

5. Seterusnya, daripada segi penguatkuasaan pula, Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas perlombongan yang sah sahaja. Sebarang tindakan perundangan terhadap aktiviti perlombongan haram tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.
6. Dalam isu pembalakan, aktiviti pembalakan dalam HSK berlaku dalam hutan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran sahaja melalui pendekatan lestari dan terpilih di mana, hanya saiz pokok tertentu sahaja yang boleh ditebang. Lesen pembalakan dikeluarkan oleh kerajaan negeri dan setiap negeri mesti mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi memastikan aktiviti pembalakan tidak melebihi had keluasan di dalam hutan pengeluaran. PAC telah dimaklumkan bahawa sehingga kini, CTT dipatuhi kesemua negeri sejak lebih 10 tahun lalu.
7. Selain itu, PAC dimaklumkan bahawa isu tanah runtuh dan isu pencerobohan hutan berlaku disebabkan kelemahan penguatkuasaan di peringkat negeri. Oleh itu, pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah dilaksanakan bagi menangani isu ini. Seksyen 3A, Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) memperuntukkan bahawa kerajaan negeri boleh memberikan kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai perhutanan Persekutuan untuk menjalankan penguatkuasaan. Namun, kebanyakan kerajaan negeri masih belum mengguna pakai A1667.

8. Di samping itu, PAC mengambil maklum kenyataan Menteri NRES pada 30 April 2024 bahawa keengganan kebanyakan kerajaan negeri mengguna pakai A1667 mengakibatkan kegagalan dalam melaksanakan amalan piawaian standard seperti yang digariskan dalam akta. Ia disebabkan pewartaan dan pengurusan hutan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kuasa kerajaan negeri ini dinyatakan berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 7 serta seksyen 10, Akta 313.
9. PAC juga mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan penanaman semula Projek Pembangunan Ladang Hutan. Oleh sebab itu, Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79 yang bersidang pada tahun 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia.
10. PAC merumuskan bahawa kehilangan habitat merupakan punca utama konflik manusia-hidupan liar. Oleh sebab itu, Jabatan PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Namun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP belum dilaksanakan kerana pihak PERHILITAN masih menunggu penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] daripada Jabatan Alam Sekitar.
11. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan 7 perkara untuk dilaksanakan berhubung isu ini iaitu:
  - i. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di

dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaan.

- ii. NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.
- iii. NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri/wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan aktiviti ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.
- iv. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak bersama-sama pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk penggunaan teknologi terkini.
- v. Lanjutan syor 4, Jabatan Perkhidmatan Awam dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi daripada segi bilangan dan berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten serta efektif.

- vi. NRES perlu melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.
  - vii. NRES perlu memastikan Jabatan Alam Sekitar segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] kepada Jabatan PERHILITAN supaya pematuhan dan penguatkuasaan WMP dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.
12. Orang ramai boleh membaca setiap keterangan dan penemuan laporan ini dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**